

UTUCAN
18/6

Laporan MOHD. ASRON MUSTAPHA, MOHAM

Denda hingga RM100,000 kepada pendera haiwan

PBT tidak lagi dibenar tembak haiwan

■ KUALA LUMPUR 17 JUN

PIHKAK berkuasa tempatan (PBT) tidak lagi dibenar menggunakan kaedah tangkap dan tembak ke atas haiwan terbiar seperti anjing kecuali binatang tersebut berpenyakit.

Larangan itu terkandung dalam Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan 2015 yang diluluskan Dewan Rakyat hari ini bagi melindungi kebijakan haiwan daripada dianiaya mana-mana pihak termasuk PBT.

Menerusi rang undang-undang itu juga, sesiapa didapati bersalah mendera atau menganiaya haiwan boleh dikenakan denda sehingga

RM100,000 dan penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, rang undang-undang baharu itu bersifat pencegahan kerana Akta Haiwan ketika ini hanya membolehkan pesalah di-denda RM200.

“Membunuh binatang seperti anjing selepas ini menjadi kesalahan, tidak boleh menembak mana-mana anjing kecuali selepas mendapat kelulusan daripada Lembaga Kebajikan Haiwan yang akan dibentuk kelak.

“Kalau PBT tembak, denda sehingga RM100,000 dikenakan kecuali anjing itu berpenyakit,”



ISMAY SABRI YAAKOB

katanya semasa mengulung perbahasan Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan 2015 dalam persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Ismail Sabri dalam pada itu menambah, selepas ini satu garis panduan mengenai sangkar, kandang serta lori yang digunakan untuk mengangkut haiwan juga akan ditetapkan supaya tidak berlaku penganiayaan.

Katanya, ketika ini, para peternak terutamanya dan pemilik haiwan tidak mempedulikan saiz sangkar, kandang serta lori yang digunakan sehingga berlaku banyak kes penderaan ke atas haiwan.

“Kita akan tentukan berapa luas, berapa ekor dalam satu sangkar, berada ekor lembu boleh diangkut menggunakan lori. Semua ini akan diperincikan selepas rang undang-undang ini dikuatkuasakan,” katanya.